

IQRA'

BULETIN PERPUSTAKAAN



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

PERCUMA

Isu No. 7

Jun 2010

ISSN 1985-174X

<http://lib.usim.edu.my>

Cara-cara penggunaan dan pencarian BLIS

**KURSUS ASAS
PENGURUSAN PERPUSTAKAAN
BAGI PEMBANTU PERPUSTAKAAN**

Menarik di dalam...

**PERKHIDMATAN
DAN KEMUDAHAN
UNIT MULTIMEDIA
(BILIK TAYANGAN & BILIK AUDIO)**

ISSN 1985-174X



9 771985 174000

SIDANG REDAKSI BULETIN IQRA'

Penasihat/Ketua Editor :

Ketua Pustakawan

Editor:

Pn. Nor Azzah bt. Momin

Pembantu Editor:

Pn. Hasmida bt. Saleh

En. Mohd. Helmi b. Masor @ Mansor

Pembantu Penerbitan :

Pn. Noor Juliana bt. Husain

Pn. Azreena Surya bt. Ahmad

Wartawan:

Pn. Wan Azura bt. Radzuan

Pn. Nur Zuhaini bt. Yahya

Jurugambar:

En. Hasrizal b. Yahya

Pemasaran/Edaran:

Cik Aishahtun bt. Abd. Majid

Cik Suharti bt. Tulos @ Abd Jalil



Buletin IQRA' diterbitkan setiap empat bulan sekali mulai Jun 2007. Buletin ini memuatkan rencana, berita, ulasan buku dan bahan lain yang berkaitan dengan Jabatan perpustakaan USIM. Untuk sebarang maklumat lanjut, pertanyaan, komen atau cadangan, kiriman bahan boleh diajukan kepada:

Editor,
Buletin IQRA'
Perpustakaan,
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel.: 06-798 6202 / 6203
Faks.: 06-799 3508
E-Mel: su.timbcp@usim.edu.my
norazzah@usim.edu.my

Diterbitkan oleh:
Jabatan Perpustakaan,
Universiti Sains Islam Malaysia.

Kata Alu-aluan Editor

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana kita dapat bertemu lagi dalam keluaran kali ini. Kami mohon kemaafan atas kelewatan Buletin ini menemui para pembaca.

Untuk keluaran kali ini, tumpuan kami adalah kepada promosi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan kepada para pengguna Perpustakaan.

Apa yang kami di Perpustakaan USIM ini harapkan adalah penggunaan maksimum oleh para pengguna bagi memastikan agar setiap pelaburan yang dikeluarkan harus memberikan pulangan yang memuaskan.

Justeru, kami mengharapkan agar para pengguna menggunakan sebaik-baiknya segala kemudahan yang ada dan sekiranya timbul sebarang kemusykilan dalam proses tersebut, para pengguna dinasihatkan agar merujuk kepada kakitangan yang bertugas di Meja Penasihat Pembaca, Kaunter Sirkulasi atau Kaunter Multimedia.

Selamat membaca.
Terima kasih.
Wassalam.

NOR AZZAH MOMIN
Editor

KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN BAGI PEMBANTU PERPUSTAKAAN



Pada 23 dan 24 November 2009 yang lalu, telah diadakan Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan Bagi Pembantu Perpustakaan bertempat di Aras 4, Bilik Seminar, Perpustakaan USIM. Kursus ini telah dihadiri oleh 40 orang termasuk warga kerja Perpustakaan USIM dan peserta luar. Penyertaan yang amat menggalakkan telah diterima dari pihak luar untuk Kursus ini.

Kursus ini telah dikendalikan oleh beberapa orang penceramah jemputan dari Universiti tempatan. Penceramah yang diundang pada hari pertama terdiri daripada Ketua Pustakawan Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) iaitu Pn Hj. Faridah bt. Hj. Md. Amin, Timbalan Ketua Pustakawan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Pn Rosnah Yusof, dan En Shaifol Yazam Mat, Pustakawan dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Sesi seterusnya disambung pada hari kedua dengan penglibatan penceramah iaitu Pn Balqis bt Suja', Pustakawan Kanan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pn Fatimah Abdul Latiff,

Pustakawan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Pn Lela Ruzma Mohd Shaari, Timbalan Ketua Pustakawan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kursus selama dua hari ini antara lain memberi pendedahan kepada peserta mengenai tugas-tugas asas sebagai Pembantu Perpustakaan, memberikan pendedahan kepada kakitangan untuk memahami prosedur tugas kerja dalam pengurusan perpustakaan serta mempersiapkan pengetahuan kakitangan baru dalam menghadapi peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan untuk pengesahan jawatan. Kursus ini telah disempurnakan penutupnya oleh Timbalan Ketua Pustakawan Pn Nor Azzah Momin.

PERPUSTAKAAN USIM MENANG ANUGERAH SLOGAN TERBAIK SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT UNIVERSITI 1431H

Pada 5 Mac 2010 bersamaan 19 Rabiulawal 1431H yang lalu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan jayanya telah menganjurkan Program Dan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti 1431H.

Sebanyak 19 Kontinjen daripada Fakulti, Jabatan, Pusat dan Bahagian mewakili keseluruhan organisasi Universiti telah mengambil bahagian dengan kehadiran lebih 1,000 pelajar dan kakitangan USIM.

Kontinjen Perpustakaan USIM telah diketuai oleh Encik Mohd Helmi Mansor dengan penglibatan 30 Kakitangan. Manakala Cik Hafizah Badri telah diberikan penghormatan untuk membawa sependuk Kontinjen Perpustakaan USIM. Bagi menampakkan keseragaman, Kontinjen Perpustakaan USIM telah memilih warna tema untuk kontinjen iaitu warna merah jambu untuk kakitangan wanita dan warna ungu atau biru gelap bagi kakitangan lelaki berserta dengan aksesori lain yang dibuat khas untuk tujuan menyertai program ini. Kerjasama dan komitmen terbaik yang ditonjolkan keseluruhan kakitangan dalam membuat persiapan untuk program ini harus diberikan pujian walaupun terdapat perubahan dan makluman saat akhir daripada Urusetia Pusat USIM.

Dengan slogan yang begitu menyentuh " Ya Muhammad, Diri

Mu Uswatun Hasanah, Sumber Penyatuan Ummah" Kontinjen Perpustakaan USIM telah diumumkan sebagai pemenang Kategori Slogan Terbaik - Program Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti 1431H. Kemenangan ini merupakan kemenangan sulung Kontinjen Perpustakaan USIM sepanjang penyertaan dalam program tahunan peringkat Universiti ini.

Semoga kemenangan ini akan menjadi aspirasi untuk seluruh kakitangan Perpustakaan USIM bahawa tiada perkara yang mustahil untuk kita capai jika kita sama-sama memberikan yang terbaik disulami kerjasama dan semangat berpasukan yang jitu dengan izin Allah jua kejayaan itu pasti tiba. InshaAllah tahun depan kita bersama-sama mencuba yang terbaik untuk mengekalkan kemenangan yang diperolehi. Sekian

Bername Library & Infolink Service (BLIS) adalah sebuah pangkalan data atas talian yang menyediakan akses kepada berita dan maklumat penting yang terkini mengenai Malaysia. Pangkalan data ini menyediakan 11 modul yang berguna dan terkini berkaitan negara ini. Senarai modul-modul tersebut adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Modul	Keterangan
1.	BERNAMA News	Koleksi berita-berita yang dilaporkan oleh BERNAMA sejak tahun 1996 hingga kini.
2.	Archival news	Koleksi berita-berita terpilih daripada suratkhbar dan majalah tempatan sejak tahun 1996 hingga kini.
3.	Foreign news	Koleksi berita-berita luar negara daripada beberapa agensi berita dari seantero dunia seperti Jepun, Korea, China, Morocco, India, Indonesia dan lain-lain.
4.	Info providers	Statistik perindustrian, pengeluaran komoditi dan ramalan ekonomi yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi Malaysia, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia.
5.	Who's who	Kompilasi profil-profil peribadi bagi individu-individu yang prominen di Malaysia.
6.	Speeches	Teks-teks ucapan yang disampaikan oleh tokoh-tokoh politik dan korporat di Malaysia.
7.	Sectoral reports	Kompilasi laporan tahunan industri-industri di Malaysia yang diperolehi daripada pelbagai agensi.
8.	Databank	Menyediakan fakta-fakta berkaitan pelbagai isu dan peristiwa yang diambil daripada media cetak tempatan dan laporan BERNAMA.
9.	Facts & figures	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan maklumat Malaysiana berkaitan perkembangan ekonomi, industri, dan kerajaan pemerintah. • Menyediakan maklumat berkenaan komoditi primer seperti kelapa sawit, koko, nanas dan lada hitam. • Menyediakan profil negeri-negeri di Malaysia.
10.	Directory	Menyediakan direktori bank, syarikat kewangan, dan syarikat insurans di Malaysia.
11.	Calendar of events	Menyediakan maklumat-maklumat terperinci berkenaan majlis-majlis terpilih yang akan berlangsung di seluruh Malaysia.

Cara-cara penggunaan dan pencarian

Pangkalan data ini boleh diakses melalui laman web perpustakaan USIM di <http://www.usim.edu.my/lib/> ataupun diakses secara terus melalui <http://blis.bernama.com/mainHome.do> dan perlu diambil perhatian bahawa setiap akses memerlukan pengguna memasukkan ID dan kata laluan khas. Pengguna boleh merujuk kepada Pegawai Rujukan Maklumat di Meja Penasihat Pengguna untuk mendapatkan ID dan kata laluan tersebut. Kaedah-kaedah pencarian adalah seperti berikut:

1. Pencarian mudah (Simple search)


The image shows two screenshots of the BLIS website. The first screenshot shows the homepage with a login form and a grid of modules. A yellow arrow points to the login fields with the text "i. Masukkan ID dan kata laluan." The second screenshot shows the "Bernama News" module selected, with a yellow arrow pointing to a sub-module with the text "iii. Pilih sub-modul yang terdapat di dalam modul yang telah dipilih." A yellow triangle points from the first screenshot to the second.




iv. Pilih headline atau subjek yang dikehendaki dan keputusan pencarian akan dipaparkan.

2. Advanced search

Kaedah ini memberikan pengguna keputusan pencarian yang lebih spesifik dengan menggabungkan beberapa keperluan maklumat di dalam pencarian. Ciri-ciri pencarian ini terdapat di dalam setiap modul pangkalan data ini.




i. Pilih advanced search pada modul yang dipilih.



ii. Pilih kategori dan isi gabungan maklumat pencarian.
 iii. Tekan search dan keputusan pencarian akan dipaparkan.

3. Global search

Kaedah ini memaparkan keputusan pencarian yang lebih komprehensif. Pangkalan data akan melakukan pencarian maklumat yang pengguna kehendaki di setiap modul.



Untuk log keluar, pengguna hanya perlu klik logout pada bahagian kiri sebelah atas homepage.



Penutup

Pengguna boleh mendapatkan khidmat nasihat Pegawai Rujukan Maklumat berkenaan penggunaan pangkalan data ini di Meja Penasihat Pengguna. Untuk mendapatkan penerangan yang lebih terperinci, pengguna boleh menyertai Kelas Pendidikan Pengguna khusus untuk mempelajari cara pencarian dan penggunaan pangkalan data ini.

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN **UNIT MULTIMEDIA** (BILIK TAYANGAN & BILIK AUDIO)

Selain perkhidmatan Komputer Zon Internet dan Multimedia, beberapa lagi perkhidmatan ditawarkan oleh Unit Multimedia yang mana pengguna boleh merasai suasana berbeza bagi proses pengajaran dan pembelajaran, kursus dan program tayangan. Bertempat di aras 3, Bilik Tayangan Utama, Bilik Tayangan 2 dan Bilik Audio disediakan secara percuma. Disamping itu, perkhidmatan dan kemudahan ini disediakan adalah bertujuan membolehkan ruangan Perpustakaan ini digunakan sepenuhnya untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran diluar bilik kuliah. Fungsi dan kelengkapan bagi perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut :

BILIK TAYANGAN

Fungsi :

- Kelas
- Kursus, Bengkel
- *Presentation*
- Sesi taklimat
- Menonton Filem / Bahan Multimedia

Kelengkapan:

- LCD Projektor
- Skrin
- DVD Player
- Sistem Audio

Kapasiti

1. Bilik Tayangan 2 : 69 Orang
2. Bilik Tayangan Utama : 35 Orang

BILIK AUDIO

Fungsi:

- *MUET Listening Practice*
- Menonton dan mendengar bahan Multimedia(CD, DVD)
- *Persentation*
- Bersantai

Kelengkapan:

- 10 Set Peralatan Audio
- TVLCD
- Sofa
- Headphone

Kapasiti

Bilik Audio: 10 orang



PERATURAN DAN ETIKA MENGGUNAKAN BILIK TAYANGAN DAN BILIK AUDIO

1. Tempahan boleh dilakukan dengan mengisi lengkap borang tempahan yang boleh diperolehi di Kaunter Multimedia, Aras 3 Perpustakaan.
2. Segala keperluan berkaitan program yang dilaksanakan di bilik-bilik tersebut adalah tanggungjawab pengguna yang melakukan tempahan.
3. Sebarang kerosakan, kecacatan dan masalah yang timbul sepanjang penggunaan bilik-bilik tersebut semasa program adalah menjadi tanggungjawab pihak pengguna yang membuat tempahan.
4. Pihak pengguna yang membuat tempahan perlu memastikan kekemasan, kesempurnaan dan kebersihan kemudahan tersebut dikembalikan seperti sedia kala selepas digunakan.
5. Makanan dan minuman adalah tidak dibenarkan bawa masuk.
6. Perkhidmatan kemudahan ini ditamatkan 30 minit sebelum Perpustakaan ditutup.
7. Pengguna perlu memaklumkan kepada kakitangan di Kaunter Multimedia setelah selesai menggunakan kemudahan ini.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :
06-798 6232 / 6233 atau
terus ke Kaunter Multimedia

PERANAN


PEGAWAI PENGHUBUNG FAKULTI/PUSAT PERPUSTAKAAN USIM

- Bertindak sebagai pegawai penghubung di antara fakulti/pusat dengan Perpustakaan dalam menyokong proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.
- Menyebarkan maklumat Perpustakaan mengenai perkhidmatan, kemudahan dan polisi terkini Perpustakaan melalui saluran komunikasi sedia ada.
- Menghadiri jemputan ke mesyuarat atau program fakulti/pusat untuk perbincangan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan.
- Mendapatkan senarai buku-buku teks dan rujukan utama bagi setiap fakulti/pusat dan diserahkan kepada Unit Pembangunan Koleksi untuk dibuat proses perolehan dan pembelian bahan.
- Mempromosikan Kelas Pendidikan Pengguna kepada warga fakulti/pusat, terutamanya dalam penggunaan OPAC dan Pangkalan Data Atas Talian.
- Membantu warga fakulti/pusat mendapatkan maklumat yang diperlukan, serta menggalakkan penggunaan Perpustakaan semaksimum mungkin untuk tujuan tersebut.
- Mengadakan perjumpaan dengan pihak fakulti sekurang-kurangnya 6 kali setahun bertujuan untuk pertukaran maklumat dan mempromosikan perkhidmatan Perpustakaan.
- Membentuk jalinan kerjasama bagi sebarang aktiviti yang berkaitan dengan pembudayaan intelektual atau kepenggunaan perpustakaan di kalangan warga universiti.
- Memberi taklimat mengenai Perpustakaan kepada pelajar-pelajar baru fakulti/pusat.

PEGAWAI PENGHUBUNG FAKULTI - TAHUN 2010 PERPUSTAKAAN USIM

BIL	FAKULTI/PUSAT	PEGAWAI PENGHUBUNG
1	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)	Pn. Nor Azzah Momin
2	Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU)	En. Muhammad Hafizi Ahmad Cik Hafizah Badri
3	Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)	Cik Harianti Husain
4	Fakulti Sains dan Teknologi (FST)	Cik Aishatun Abd Majid
5	Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)	Pn. Hasmida Saleh
6	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)	En. Sanizan Sardzi
7	Fakulti Pergigian (FPg)	En. Sanizan Sardzi
8	Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)	En. Mohd Helmi Masor @ Mansor
9	Pusat Pengajian Siswazah (PPS)	En. Ahmad Yazid b. Ahmad
10	Pusat Tamhidi	En. Mohamad Salbihan Salman
11	Pusat Pengajian Teras dan Antarabangsa (PPTA)	Pn. Azlina Othman
12	Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)	Pn. Marhaniza Abdul Halim
13	Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI)	Pn. Rozana Kamdani
14	Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI)	Pn. Azlina Othman
15	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM)	En. Lukman Anwar Arifin
16	Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA)	Pn. Marhaniza Abdul Halim
17	Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran	Pn. Hasmida Saleh
18	Pusat Permata Insan	Pn. Marhaniza Abdul Halim

AKTIVITI PERPUSTAKAAN USIM



1 & 2 – Program Ceria di Perpustakaan
– 24 Februari 2010

3 & 4 – Lawatan Pelajar FPBU ke Perpustakaan
– 1 Mac 2010

5 – Lawatan Pra-Penilaian MQA
– 18 Februari 2010

6 – Lawatan Panel Penilaian MQA
– 2 Mac 2010

7 – Lawatan Pelajar Fak. Pengurusan Maklumat UiTM
– 3 Mac 2010

8 - Lawatan Ahli Persatuan Pustakawan Malaysia
Wilayah Utara – 10 Mei 2010

9 - Lawatan Kakitangan Perpustakaan UiTM Arau, Perlis
– 7 Jun 2010

10 – Lawatan Kakitangan Bah. Perkhidmatan PTSL, UKM
– 8 Jun 2010

11 & 12 - Lawatan Kakitangan Perpustakaan
Komuniti Petaling Jaya
– 29 Jun 2010

AKTIVITI PERPUSTAKAAN USIM



1



2



3



4




5



7



8



6



9



10



11

- 1 - Perjumpaan Kakitangan Perpustakaan Bersama YBhg Mantan Dato' Naib Canselor
- 8 Januari 2010
- 2 - Perjumpaan Kakitangan Perpustakaan Bersama YBhg Dato' Naib Canselor
- 22 Januari 2010
- 3 - Perhimpunan Kakitangan Perpustakaan
- 26 Januari 2010
- 4 & 5 - Menyertai Majlis Perarakan Maulidur Rasul
- 5 Mac 2010
- 6 - Mengadakan Pameran Perpustakaan di FEM
- 9 Mac 2010
- 7 & 8 - Majlis Sambutan Hari Jadi Kakitangan
- 6 Mei 2010
- 9 & 10 - Program Audit Stage 2 Ke Arah Persijilan MS ISO9001:2008
- 20 & 21 Mei 2010
- 11 - Menyertai Pameran Inovasi di Seremban
- 5 Mei 2010

KOLEKSI PERSEORANGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Oleh : Harianti Husain

Koleksi Perseorangan merujuk kepada koleksi yang dimiliki oleh seseorang tokoh atau individu, yang mempunyai nilai tertentu. Koleksi tersebut terdiri daripada hasil karya individu berkenaan atau koleksi simpanan peribadi mereka yang merangkumi pelbagai bidang perkara khususnya yang berkaitan dengan bidang kepakaran individu tersebut.

Koleksi perseorangan ini merupakan sumber maklumat penting kepada warga Universiti Sains Islam Malaysia sebagai sumber rujukan dan bagi penyelidik yang mengkaji tokoh tersebut atau bidang perkara yang mereka minati. Koleksi ini juga merangkumi pelbagai bidang perkara.

Koleksi Perseorangan Perpustakaan USIM menghimpunkan bahan-bahan ilmiah yang disumbangkan oleh tokoh-tokoh ilmuwan USIM atau tokoh ilmuwan luar yang sememangnya pakar dalam pelbagai cabang ilmu. Ianya akan menjadi khazanah yang paling berharga di USIM bagi tujuan rujukan dan penyelidikan untuk warganya.

Perpustakaan USIM telah menetapkan dasar bagi Koleksi Perseorangan ini iaitu 70 peratus daripadanya tidak terdapat di dalam koleksi Perpustakaan USIM, 70 peratus daripadanya adalah bahan yang tidak memerlukan pemuliharaan, 50 peratus daripadanya merupakan 'subject interest' bagi penyumbang secara personal dan jumlah koleksi adalah melebihi daripada 300 naskah.

Buat masa ini, Perpustakaan USIM mempunyai 3 Koleksi Perseorangan utama yang disumbangkan oleh 3 tokoh ilmuan penting iaitu Tan Sri Dato' Hj Abdul Kader B. Talip

(Bekas Mufti Wilayah Persekutuan), Yang Arif Tuan Haji Mashadi B. Salamon (Bekas Hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan) dan Prof. Madya Dr. Wan Chik B. Wan Ibrahim (Pensyarah di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM).

Setiap Koleksi Perseorangan mempunyai nombor panggilan khas yang telah dikhususkan oleh setiap tokoh. Penetapan yang telah dibuat adalah seperti berikut:

Bil.	Tokoh	Awalan nombor panggilan	Contoh nombor panggilan
1	Tan Sri Dato' Hj Abdul Kader B. Talip	akt	akt B741 .A23 1989
2	Yang Arif Tuan Haji Mashadi B. Salamon	thm	thm BP130.4 .A48
3	Prof. Madya Dr. Wan Chik B. Wan Ibrahim	wci	wci AE5 .E363 1980

Penutup

Dimasa akan datang, koleksi perseorangan tokoh-tokoh akademik USIM dan tokoh ilmuwan luar ini akan menjadi koleksi yang tinggi nilainya dan menjadi tulang belakang kepada koleksi penyelidikan Perpustakaan USIM.

Perpustakaan USIM optimis dengan kewujudan koleksi perseorangan ini akan memberi makna yang besar kepada tokoh-tokoh akademik USIM yang menyumbang koleksi peribadi mereka kerana ianya menjadi lambang kecemerlangan dan ketokohan mereka dalam dunia akademik selama mereka menuntut dan menyebarkan ilmu kepada warga USIM khususnya dan masyarakat dunia umumnya.

Pengurusan Ilmu dan Perkongsian Maklumat

Oleh : Marhaniza Abdul Halim

Pengurusan Ilmu

Pengurusan ilmu merupakan proses dapatan, pengumpulan dan penyimpanan maklumat yang terdapat dalam organisasi sama ada dalam bentuk 'tacit knowledge' ataupun 'explicit knowledge'. 'Tacit knowledge' merupakan ilmu yang ada dalam diri individu yang belum diterjemahkan manakala 'explicit knowledge' merupakan ilmu yang telah diterjemahkan dalam bentuk dokumen bercetak atau melalui pengkalan data atas talian.

Pengurusan ilmu memberikan kemudahan kepada organisasi kerana maklumatnya terpelihara, mudah diperolehi, dan dapat digunakan pada bila-bila masa yang diperlukan. Kini, kebanyakan organisasi telah mengetahui tentang kepentingan pengurusan ilmu dan mengaplikasikannya dalam organisasi mereka. Kebanyakan organisasi menggunakan kemudahan ICT untuk merealisasikan pengurusan ilmu bagi kemudahan umum. Pengurusan ilmu bermula dengan pencarian maklumat, penyusunan maklumat, perkongsian maklumat serta penggunaan maklumat itu sendiri. Organisasi yang mengamalkan pengurusan ilmu secara efektif dapat menyimpan, mengakses, dan memelihara maklumat organisasi mereka dengan berkesan dan memudahkan rujukan dari masa ke semasa.

Perkongsian Maklumat

Perkongsian maklumat menjadikan sesebuah organisasi lebih kompetitif, berdaya saing dan meningkatkan keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan dalam organisasi. Ia merangkumi budaya interaksi sosial merangkumi perkongsian pendapat, pertukaran ilmu, pengalaman serta cara bekerja antara kakitangan. Perkongsian maklumat dapat membantu menaikkan taraf cara kerja dan perkhidmatan individu dan organisasi. Ia membantu kakitangan dalam menangani masalah dan berhadapan dengan masalah baru dengan lebih yakin dan berkesan kerana maklumat hanya diujung jari dan dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.

Terdapat beberapa halangan dalam perkongsian maklumat seperti budaya yang telah diamalkan dalam diri individu dan organisasi. Kebanyakannya amat mementingkan diri sendiri dan tidak mahu berkongsi maklumat dengan orang lain kerana dikhuatiri akan kehilangan ilmu. Selain itu, komunikasi yang tidak baik juga mengundang kepada halangan perkongsian maklumat. Sesetengah individu tidak bersedia untuk

berkongsi maklumat dan ilmu yang ada kerana beranggapan bahawa tiada lagi keistimewaan pada diri sekiranya ilmu yang ada dikongsi bersama. Malahan ada berfikiran bahawa mereka perlu diberi ganjaran untuk tujuan perkongsian.

Untuk menghindar daripada berlaku halangan perkongsian maklumat, pengurusan atasan seharusnya memainkan peranan dalam membentuk budaya perkongsian maklumat di kalangan kakitangan dalam organisasi mereka. Faktor kejayaan pengurusan ilmu dan perkongsian maklumat perlu diterapkan melalui motivasi, pendekatan dan stimulasi, penggunaan teknologi moden, dan memupuk sikap budaya berkongsi secara efektif dengan ganjaran sekiranya perlu.

Secara umumnya, individu ataupun organisasi yang menggunakan dan memerlukan maklumat merupakan individu dan organisasi yang mengetahui tentang kepentingan perkongsian maklumat. Ini kerana, mereka mengetahui tentang peri pentingnya keperluan maklumat sama ada dalam menjalankan tugas harian ataupun dalam penyelesaian masalah. Ilmu yang tepat akan diperolehi oleh individu pada masa yang diperlukan dengan mudah dan segera dengan pementapan pengurusan ilmu dan perkongsian maklumat.

Rujukan

Christensen, Peter Holdt. "Knowledge sharing: moving away from the obsession with best practices." *Journal of Knowledge Management*. 11 (1) (2007): 36-47.

Hsiu-Fen, Lin. "Knowledge sharing and firm innovation capability: an empirical study." *International Journal of Manpower*. 28 (3/4) (2007): 315-332.


Huysman, Marleen. *Knowledge sharing in practice*. London: Kluwer Academic Publisher, 2000.

Jen-Te, Yang. "Job-related knowledge sharing: comparative case study." *Journal of Knowledge Management*. 8 (3) (2004): 118-126.

Riege, Andreas. "Three-dozen knowledge-sharing barriers managers must consider." *Journal of Knowledge Management*. 9 (3) (2005): 18-35.

Tayangan Perdana

Telah dilaksanakan sebanyak dua kali. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:



TAYANGAN PERDANA 1

Tarikh: 25 Februari 2010
 Masa: 8.30 pagi – 4.30 petang
 Tempat: Bilik Tayangan Utama, Aras 3, Perpustakaan USIM
 Jumlah Peserta: 60 peserta

Filem : Ketika Cinta Bertasbih 1, Ketika Cinta Bertasbih 2, Up, Transformers: Revenge of the Fallen dan Knowing.

Ulasan:

- Program berjalan dengan baik dan mendapat sambutan daripada pengguna. Walau bagaimanapun, filem Knowing tidak dapat ditayangkan kerana kesuntukan masa.
- Filem yang paling mendapat sambutan hangat adalah Transformers: Revenge of the Fallen.



TAYANGAN PERDANA 2

Tarikh: 7 April 2010
 Masa: 8.30 pagi – 4.30 petang
 Tempat: Bilik Tayangan Utama, Aras 3, Perpustakaan USIM
 Jumlah Peserta: 85 peserta

Filem:

- Segmen perbandingan agama
 - Is the Bible God's Word? Ahmad Deedat vs Jimmy Swaggart,
 - The Holy Quran: Word of God or Word of Muhammad SAW? Dr. Jamal Badawi vs Dr. Anis Shorros
- Segmen filem kontemporari
 - Avatar
 - Knowing

Ulasan:

- Buat julung kali debat perbandingan agama ditayangkan dan mendapat sambutan hangat daripada pengguna.
- Pengguna meminta agar segmen ini diteruskan pada program yang akan datang kerana banyak memberi manfaat dan pengetahuan.
- Filem Knowing ditayangkan pada kali ini kerana ia tidak sempat ditayangkan pada program yang pertama.

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN & INOVASI 2009

Penerima anugerah dari Jabatan Perpustakaan adalah ;

KAKITANGAN	ANUGERAH	
Puan Nor Faidza Bte Doriat Setiausaha Pejabat Ketua Pustakawan	Anugerah Cemerlang	Perkhidmatan
En.Hasrizal Bin Yahya Pembantu Perpustakaan Unit Arkib	Anugerah Cemerlang	Perkhidmatan
Puan Marfizah Bte Md Zain Pembantu Perpustakaan Unit Pembangunan Koleksi	Anugerah Cemerlang	Perkhidmatan
En.Mohd Helmi Masor @ Mansor Pustakawan Unit Automasi	Anugerah Terpuji	Perkhidmatan
Cik Aishahtun Abdul Majid Pustakawan Unit Pembangunan Koleksi	Anugerah Terpuji	Perkhidmatan
Puan Marhaniza Bte Abdul Halim Pustakawan Kanan Bahagian Pengurusan	Anugerah Insentif Khas Cuti Belajar	

Tahniah dan syabas diucapkan kepada yang berjaya. Semoga dengan anugerah yang diterima akan menyuntik semangat untuk terus berjaya!!



KOLEKSI BAHAN MULTIMEDIA

Al-Qamus al-islami = Islamic dictionary version 2.0

Publisher : Harf Information Technology
 Year : 2001
 Call Number : cd-rom dic BP 40 .Q35
 Subject : Islam - Dictionaries - Arabic.
 Remarks : Multiple languages: Arabic, English, French, Indonesian and Malay.

This is the first specialized Islamic dictionary that includes terminologies covering many Islamic sciences and studies regarding Qur'an, Hadith, jurisprudence, creed, history, etc.

- Features:
- The Program contains more than 55,000 terms and definitions in Arabic and translated into English, French, Malay and Indonesian.
 - The Program also displays an indexed lexicon of Qur'anic terms that includes some 35,000 terms and meanings, linked to their occurrences in the relevant Qur'anic verses.
 - The program displays special indexes of Allah's Names, the names of Paradise, the names of Hell, and the names of the Day of Resurrection as mentioned in the Holy Qur'an.
 - The Program provides an atlas of the Islamic world, focussing on the most important information about each Islamic country.
 - Arabic, English and Melayu languages
 - The Program displays a special section on Islamic outstanding personalities.
 - The user may enjoy the entertaining useful practices that aim at increasing Indonesia Francais Islamic vocabulary.
 - The user also can access a special entry to view pictures and video clips.




KOLEKSI BAHAN MULTIMEDIA

Laws of Malaysia

Publisher : PNMB Lawnet
 Year : 2010
 Call Number : cd-rom KPG 469.5.M4 2010
 Subject : Islamic law -- Malaysia. , Islamic law -- Wilayah Persekutuan. , Islamic law -- Johor. , Islamic law -- Kedah. , Islamic law -- Kelantan. , Islamic law -- Melaka. , Islamic law -- Negeri Sembilan. , Islamic law -- Pahang. , Islamic law -- Pulau Pinang. , Islamic law -- Perak. , Islamic law -- Perlis. , Islamic law -- Sabah. , Islamic law -- Sarawak. , Islamic law -- Selangor. , Islamic law -- Terengganu.

LawNet telah menyediakan perkhidmatan online access melalui laman web www.lawnet.com.my. Disamping itu, Lawnet juga turut menyediakan set CD-ROM yang mengandungi 15 buah CD-ROM yang memberi fokus kepada Undang-undang Syariah bagi 14 buah negeri di Malaysia. Secara umumnya, di antara aspek yang disentuh adalah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam bagi negeri-negeri, Undang-undang Keluarga Islam bagi negeri-negeri, Tatacara Jenayah dan Pengendalian Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, dan juga disertakan senarai pindaan enakmen terkini dan enakmen yang telah dimansuh. Kandungan pengisian padat dalam CD-Rom ini menyeluruh dan mudah digunakan oleh semua pengamal undang-undang mahupun ahli akademik atau pelajar.

13 MEI SEBELUM DAN SELEPAS




Editors :
Judul: 13 Mei Sebelum dan Selepas
Penerbit: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Tahun: 2007
ISBN: 978-967-61-2073-1
No. Panggilan: DS597.2 .A23 2007

13 Mei 1969 merupakan satu pengalaman dan pengajaran yang tidak dapat kita semua lupakan buat selama-lamanya. Kerana kejadian itu dapat menunjukkan kepada kita semua tentang bahaya-bahaya yang boleh timbul sekiranya kita terlampau lalai atau cuai. Rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 adalah peristiwa tragis yang terburuk dialami oleh Malaysia. Peristiwa itu hampir-hampir memusnahkan negara ini. Oleh itu, banyaklah pengajaran yang boleh dipelajari daripada tragedi ini.

Kita seharusnya bangga dengan apa yang telah kita capai. Dengan semangat perpaduan dan keharmonian serta kerjasama dan rasa muhibah, maka kita boleh mengatasi segala kesulitan untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran yang tidak ada tolok bandingnya.

Oleh itu, amatlah mustahak bagi kita semua untuk cuba sedaya upaya hidup bersama-sama dan cuba memahami antara satu sama lain dengan semangat persefahaman, hormat-menghormati agar kita dapat memelihara keharmonian dan keamanan. Kita haruslah sedar dan insaf bahawa perpaduan itulah menjadi kunci kejayaan kita, untuk menjadi negara yang aman dan makmur.

RELIGION AND GLOBALIZATION




Title: Religion and Globalization
Publisher: Oxford University Press
Year: 2008
ISBN: 978-0-19-517695-7
Call Number: BL80.3 .E87 2008

The twenty-first century is witnessing a resurgence and globalization of religion. Around the world, religion has become an increasingly more vital and pervasive force in both personal and public life. Revealing the significance of religion in the contemporary world, *Religion and Globalization: World Religions in Historical Perspective* explores seven major religious traditions as dynamic, ongoing forces in the lives of individuals and in the collective experience of modern societies. It covers Christianity, Judaism, Islam, Hinduism, Buddhism, East Asian Religions, and new religious movement.

Taking a fresh approach, it uses historical coverage of the religious traditions as a framework to help students understand how faith has evolved to the present day and continue to have an impact on belief, politics, and society. The book connects today's religions to their classical beliefs and practices but also shows how they have been transformed by globalization and by their contact with one another. The authors examine how the global changes that began with the Scientific Revolution influence the ways that religions are practiced today. They reflect not only on how ancient traditions have been modified in order to accommodate current realities but also on how the global synergy of these traditions is changing current social and political realities.

Ideal for course in religion and globalization, religion and politics, and comparative religion, *Religion and Globalization* features sixteen custom maps, key term and discussion questions at the end of each chapter, a glossary, and timelines of major events in each tradition.



THE ORIGIN OF FINANCIAL CRISES


Title: The Origin of Financial Crises
Publisher: Harriman House Ltd.
Year: 2008
ISBN: 978-1-905641-85-7
Call Number: HB3722 .C656 2008

The Origin of Financial Crises provides a compelling analysis of the forces behind today's economic crisis. In a series of disarmingly simple arguments the author challenges the core principles of today's economic orthodoxy, explaining why financial markets do not obey the efficient market principles described in today's economic textbooks but are instead inherently unstable and habitually crisis prone.

The author describes the evolution of our modern monetary system, explaining along the way how financial instability emerged and why this instability required the development of central banking. The author claims that misguided faith in the power of free markets has led some central banks to neglect their core role of managing the financial system and instead caused them to pursue policies which promote a series of ever more violent boom-bust cycles. The Origin of Financial Crises calls for a radical shift in central bank strategy, the abandonment of inflation targeting, and a paradigm shift in our attitude to economic policy.

Uniquely, *The Origin of Financial Crises* presents tangible policy proposals aimed at helping break out of the seemingly endless procession of damaging boom-bust cycles.

WORLD RELIGIONS IN PRACTICE



Title: World Religions in Practice
 Publisher: Blackwell Publishing
 Year: 2009
 ISBN: 978-1-4051-6702-4
 Call Number: BL80.3 .G89 2009


World Religions in Practice introduces the world's great religions through their customs, ritual, and everyday practices. By focusing on this "lived experience" it goes beyond many traditional introductions to religious studies, providing an in-depth, comparative study and an appreciation of the broader context in which these religions should be understood.

The book explores the five major religions of Hinduism, Buddhism, Judaism, Christianity, and Islam, adopting a directly comparative approach to develop a greater understanding of the nature of religion.

Each chapter engages with an individual theme, such as birth, death, food, pilgrimage, and ethics, to illustrate how religious practices are expressed.

It broadens student's understanding by offering an impartial discussion of the similarities and differences between the religions. The book also includes chapter-by-chapter opening themes and summaries, and is accompanied by a website at www.blackwellpublishing.com/gwynne featuring additional resources and study questions for those who want more information.

WORLD POVERTY



Title: World Poverty
 Publisher: Facts On File, Inc.
 Year: 2008
 ISBN: 978-0-8160-6807-4
 Call Number: HC79 .P6 .W47 2008


Although poverty has decreased over the past two centuries, about 40 percent of the world's population still live on less than \$2 per day. Approximately one in seven people—just under 1 billion—subsist on less than \$1 per day. While the most extreme cases of poverty occur in the least developed countries, particularly in the rural areas of South Asia and sub-Saharan Africa, the crisis is hardly limited to those regions. The United States is considered the richest country in the world, yet it has the highest poverty rate among industrialized nations. It seems that growing prosperity only widens the inequality gap, both within a country individually and around the globe.

World Poverty is designed to be a first-stop resource for research on the key challenges facing the world today. Each volume contains three sections, beginning with an introduction that clearly defines the issues, followed by detailed case studies of the issue's impact in the United States and several other countries or regions. The second section draws together significant U.S. and international primary source documents, and the third section gathers useful research tools such as brief biographies, facts and figures, an annotated bibliography, and more. A foreword written by an expert in the field complements each volume. A chronology, glossary, and index provide additional help.

World Poverty explores the definition of true poverty, while analyzing its causes and the toll it has taken. Detailed case studies examine the situation in the United States, India, Syria, the Democratic Republic of the Congo, Guatemala, and Ukraine and evaluate the various strategies national governments have adopted to fight poverty.

PENGURUSAN IMEJ

Title: World Religions in Practice
 Publisher: Blackwell Publishing
 Year: 2009
 ISBN: 978-1-4051-6702-4
 Call Number: BL80.3 .G89 2009



Pengurusan Imej menghuraikan tentang kepentingan dan amalan pengurusan imej dalam organisasi dan pembangunan sendiri. Ini kerana kemahiran sosial ini memerlukan kepakaran, ilmu, latihan dan pengalaman yang luas bagi meninggikan lagi kualiti diri dan organisasi. Kandungan buku ini merangkumi persoalan persejarahan, kepelbagaian pendekatan, mitos, dan kepentingan budaya dalam pengurusan imej. Setiap perubahan imej banyak dipengaruhi oleh peranan personaliti, persekitaran, dan keperluan ke aras kecemerlangan organisasi.

Buku ini lebih bersifat praktikal kerana dimuatkan juga latihan penilaian, latihan ketrampilan, dan Modul Penerapan Imej Kendiri dan Organisasi. Maklumat yang dikemukakan boleh digunakan dan dirujuk oleh para pengurus, pemimpin, kaunselor, guru, pegawai latihan, dan pelajar yang mengikuti kursus bimbingan kaunseling, sumber manusia serta pengurusan perniagaan.

Lawatan ke Cairo International Book Fair 2010 (CIBF2010), Kaherah, Mesir.



Perpustakaan USIM telah menyertai lawatan ke Cairo International Book Fair 2010 (CIBF2010) di Kaherah, Mesir mulai 28 Januari 2010 hingga 3 Februari 2010. USIM telah menaja dua orang kakitangan untuk mengikuti lawatan ini, iaitu Y. Bhg. Dr. Adnan Mohamed Yusoff, Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Pn. Hasmida Saleh, Pustakawan Kanan, Perpustakaan USIM. Dua orang kakitangan USIM turut menyertai lawatan ini atas pembiayaan sendiri, iaitu Y. Bhg. Dr. Noor Azizi Ismail, Ketua Program Pendidikan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan Pn. Nor Azzah Momin, Timbalan Ketua Pustakawan, Perpustakaan USIM. Semua urusan lawatan ini dikendalikan oleh pembekal buku, iaitu Famous Four Sdn Bhd.

Tujuan lawatan ini adalah untuk membuat pemilihan dan pembelian buku-buku berbahasa Arab edisi terkini dan kontemporari dengan harga yang lebih murah. Selain itu, pembelian ini juga bertujuan untuk menambah dan memperbanyakkan lagi buku-buku berbahasa Arab agar dapat diseimbangkan dengan buku-buku bahasa Inggeris.

Sepanjang tempoh lawatan tersebut, kakitangan USIM menginap di Rumah Tamu Negeri Sarawak. Selama tiga hari diperuntukkan untuk proses pemilihan dan pembelian buku-buku tersebut. Sempena lawatan ini juga, kakitangan USIM mengambil kesempatan untuk melawat tempat-tempat menarik dan bersejarah di Mesir, iaitu Piramid Giza, Masjid Solahuddin al-Ayyubi, Masjid Saidina Hussain, Makam Imam, Perpustakaan Iskandariyah, Mumtazah (Istana Raja Farouk), Kubu Qeit Bay dan Malaysian Hall.

Lawatan ini banyak memberi faedah dan pengalaman yang amat berguna kepada kakitangan USIM yang mengikuti lawatan ini. Antaranya adalah berpeluang melihat sendiri proses pemilihan dan pembelian bahan yang dilakukan oleh pelbagai bangsa dan organisasi di negara-negara Arab. Selain dapat melihat buku-buku terbitan negara Arab, kakitangan juga berpeluang mengenali penerbit-penerbit Arab yang terkenal dan tersohor di seluruh dunia.



Tidak kurang juga, melalui lawatan ini kakitangan dapat mempelajari banyak perkara terutama aspek pengurusan dan penganjuran pesta buku di peringkat antarabangsa yang turut melibatkan penyertaan dari beberapa buah perpustakaan terkenal di Asia Barat. Ini dapat membuka dimensi baru kepada pengurusan perpustakaan di IPT untuk turut mempunyai koleksi tersendiri yang boleh dipamer dan dipasarkan di masa akan datang, seterusnya dapat meluaskan lagi jaringan antarabangsa. Lawatan ini juga dapat membuka minda kakitangan mengenai kaedah penerbitan serta strategi pemasaran bagi bahan-bahan penerbitan oleh para kakitangan akademik di IPT. Perpustakaan USIM amat mengharapkan agar aktiviti lawatan ke pesta buku antarabangsa ini dapat diteruskan pada masa hadapan.



Jadual Perjalanan Sepanjang Lawatan Ke CIBF2010

Hari bertolak 28 Januari 2010 12.30 am 5 am	Bertolak dari KLIA Tiba di Cairo International Airport
Hari 1 28 Januari 2010 9 am 11 am - 7 pm	Sampai di Rumah Tamu Negeri Sarawak Yaumul-balad (Giza dan sekitar Bandar Kaherah, Piramid, Abu Hol, Muzium, Masjid Solahuddin al-Ayyubi dan Makam Imam sekitar Kaherah)
Hari 2 29 Januari 2010 9 am - 9 pm	Cairo International BookFair (Lawatan ke syarikat-syarikat penerbitan Mesir)
Hari 3 30 Januari 2010 9 am - 9 pm	Cairo International BookFair (Lawatan ke syarikat-syarikat penerbitan Mesir dan Arab Saudi)
Hari 4 31 Januari 2010 9 am - 9 pm	Cairo International BookFair (Lawatan ke syarikat-syarikat penerbitan Jordan, Maghrib, dan lain-lain)
Hari 5 1 Februari 2010 6.30 am - 7 pm	Bertolak ke Iskandariyah - Lawatan ke Perpustakaan Iskandariyah (Alexandria Library) - Mumtazah (Istana Raja Farouk) - Kubu Qeit Bayt
Hari 6 2 Februari 2010 10 am - 4 pm 7.00 pm	Membeli belah di Khan al-Khallili, Masjid Al-Azhar, Masjid Saidina Hussain, sekitar Atabah dan Malaysian Hall. Bertolak ke Cairo International Airport
Hari 7 3 Februari 2010) 12.30 am 3.50 pm	Berlepas dari Cairo International Airport Tiba di KLIA





Cahaya Mata

En. Muhammad Hafizi bin Ahmad (Pustakawan Unit Koleksi Undang-Undang, Bahagian Teknikal) dan pasangannya Pn. Nor Aisyah binti Aris yang telah menyambut kelahiran cahaya mata lelaki bernama Muammar Wathiq bin Muhammad Hafizi pada 07 Februari 2010.

Kenaikan Pangkat

KAKITANGAN PERPUSTAKAAN

NAMA	JAWATAN	KENAIKAN PANGKAT
En.Sanizan Sardzi Perpustakaan USIM Cawangan Pandan Indah.	Pustakawan	Pustakawan Kanan S44 Tarikh Kenaikan : 1 Mei 2010.

Pn. Suzyla binti Abdul Aziz (Pembantu Perpustakaan Unit Sirkulasi) dan pasangannya En. Mohd Hafifi bin A. Jabar yang telah menyambut kelahiran cahaya mata perempuan pertama bernama **Nur Fatin Haziqah** pada 05 hb April 2010.



KAKITANGAN BARU



Nama : **Sharifah Norabidzah Nurul Aida Syed Saaid**
Tarikh Lapor Diri : 11 Januari 2010
Unit : Unit Sirkulasi
Perpustakaan Cawangan Pandan Indah



Nama : **Puvaneswary Tanggayah**
Tarikh Lapor Diri : 18 Januari 2010
Unit : Unit Pengkatalogan
Perpustakaan Cawangan Pandan Indah



Nama : **Mohd Syukor Bin Sariat**
Tarikh Lapor Diri : 15 Januari 2010
Unit : Unit Sirkulasi
Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan USIM



Perkahwinan Kakitangan

Tahniah kepada **Pn. Suharti Tulos**, Pembantu Perpustakaan di Unit Pembangunan Koleksi, bersama pasangan **En. Suhairi Sanusi** yang telah melangsungkan perkahwinan mereka pada 7 Februari 2010 di Tanjung Karang, Selangor.





Pintaran IT Sdn. Bhd. (520292 -A)

17.01, 17th Floor Bangunan MAS, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. Tel: 03-2715 5833 Fax: 03-2715 5933 E-mail: sales@pitsb.po.my

17.01, TINGKAT 17,
BANGUNAN MAS,
JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03 – 2715 5833 FAX: 03 –2715 5933
EMAIL: sales@pitsb.po.my

 **TAGSYS**


DIALOC ID.

 **fast ESP®**

 **roycan®**


CLARICE
LIBRARY MANAGEMENT

WE PROVIDE BUSSINESS SOLUTIONS :-

- RFID (HF & UHF) & EM LIBRARY SECURITY
- ENTERPRISE SEARCH ENGINE
- SOFTWARE DEVELOPMENT & INTEGRATION
- MULTIMEDIA & LANGUAGE LABORATORIES
- AUDIO VISUAL EQUIPMENT
- LIBRARY MANAGEMENT SYSTEM
- OFFICE EQUIPMENTS

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Syarikat Pintaran IT Sdn. Bhd.
Yang telah menaja sepenuhnya percetakan Buletin Iqra' bagi isu ini.